

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN
[RANAU]**

**Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:-**

- (a) apakah kesan positif yang dijangka bagi Program Penyeragaman Harga barang keperluan asas di Negeri Sabah seperti yang diunjurkan dalam Bajet 2018; dan
- (b) apakah punca utama, walaupun Program Penyeragaman Harga barang keperluan asas ini telah diperkenalkan beberapa tahun lalu, namun kos barangan tersebut terus meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Program ini menyasarkan penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman yang perlu membeli barang keperluan asas pada harga yang lebih tinggi. Faktor geografi kawasan terlibat menyebabkan barang keperluan tidak dapat dijual pada yang sama seperti di bandar kerana kos pengangkutan untuk menghantar barang ke kawasan tersebut adalah tinggi dan kadangkala memerlukan mod pengangkutan yang pelbagai. Melalui Program Penyeragaman Harga, Kementerian menanggung kos pengangkutan **tujuh (7) barangan keperluan asas** iaitu **beras, gula, minyak masak paket 1kg, tepung gandum kegunaan am, gas petroleum cecair (LPG), petrol RON 95 dan diesel** dari pembekal di kawasan tersebut ke kawasan pedalaman. Kesannya, jurang harga antara kawasan bandar dan luar bandar dapat dihapuskan dan membolehkan penduduk mendapatkan barangan tersebut pada harga kawalan yang seragam di seluruh negara. Di samping itu, masyarakat luar bandar yang terlibat bukan sahaja boleh membeli barang keperluan pada harga yang dikawal, malah dapat membendung keadaan terputus bekalan.

- (b) Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, harga keperluan asas yang terlibat di dalam Program ini seperti gas petroleum cecair telah diberikan subsidi oleh Kerajaan dan kekal sejak tahun 1993. Manakala, tepung gandum dan minyak masak pula, subsidi telah mula diberikan sejak dari tahun 2007 dan harga adalah kekal sehingga sekarang. Harga barang keperluan asas yang tiada subsidi seperti gula, beras, petrol RON95 dan diesel pula adalah

berubah pada kadar yang sangat minimum. Walau bagaimanapun, harga bagi lain-lain barang keperluan yang tidak terlibat dengan Program ini tidak dikawal oleh Kerajaan dan dipengaruhi oleh penawaran dan permintaan.

6

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

SOALAN : 103

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pihak Kementerian sedar tentang sikap pemandu di Malaysia yang kurang memuaskan seperti melanggar had laju, memandu secara berbahaya dan melanggar lampu isyarat, dan apakah langkah-langkah yang di ambil oleh pihak Kementerian untuk membaiki sikap dan etika memandu rakyat supaya lebih berhati-hati dan meningkatkan keselamatan di jalan raya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik kemalangan jalan raya yang dikeluarkan oleh PDRM, jumlah angka korban jalan raya pada tahun 2016 adalah sebanyak 7,152 manakala pada tahun 2017 pula ialah sebanyak 6,740. Ini menunjukkan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya adalah berkurang sebanyak 412 kematian atau bersamaan dengan 6%.

Kementerian ini melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya telah merangka Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 – 2020 dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kerja Raya dan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta pihak swasta dan badan bukan Kerajaan yang berkaitan. Pelan ini akan dilaksanakan berdasarkan lima (5) Tonggak Strategik yang merangkumi program-program dan langkah-langkah intervensi yang dirancang untuk menangani isu-isu keselamatan jalan raya. Antara lima (5) Tonggak Strategik tersebut adalah seperti yang berikut:

- Tonggak Strategik 1 - Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;
- Tonggak Strategik 2 - Mobiliti dan Jalan Raya Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 3 - Kenderaan Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 4 - Pengguna Jalan Raya Yang Lebih Selamat;
- Tonggak Strategik 5 - Pengurusan Pasca Kemalangan.

Selaras dengan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020, elemen penguatkuasaan dan pendidikan telah ditambah baik dari semasa ke semasa dengan mengambil kira maklum balas daripada *stakeholders*

8

berkaitan dan pendekatan yang diguna pakai di negara-negara luar dalam menangani isu kemalangan jalan raya.

Di bawah elemen penguatkuasaan, Kerajaan akan meneruskan pelaksanaan *Automated Awareness Safety System* (AwAS) sedia ada bagi memastikan penguatkuasaan lalu lintas dapat dijalankan secara berterusan (24 jam sehari) dan meningkatkan *Perception of Being Caught* (POBC) ke tahap yang lebih tinggi dan sekaligus mengubah tingkah laku pemandu. Selain itu, bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan dan memastikan pengguna jalan raya tidak mengulangi kesalahan lalu lintas, Sistem Mata Demerit telah dilaksanakan semula sebagai satu mekanisma untuk mengubah tingkah laku pemandu agar lebih berhemah semasa berada di jalan raya.

Dari aspek pendidikan pula, program advokasi melibatkan *community-based* dan pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) kepada pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Modul PKJR kini sedang disemak semula bagi memastikan penglibatan guru untuk membangunkan modul aktiviti keselamatan jalan raya. Melalui aktiviti ini, ia akan memberi kesedaran kepada pelajar di peringkat sekolah tentang pematuhan terhadap keselamatan jalan raya.